

Headline **Kelebihan daun sirih**
Date **28 Nov 2009**
MediaTitle **Harian Metro**
Section **Supplement**
Journalist **Amirul Haswendy Ashari**
Frequency **Daily**
Circ / Read **289,315 / 1,981,000**

Language **Malay**
Page No **16**
Article Size **323 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **6,945**
PRValue **20,835**



Produk Sireh Emas Sdn Bhd

Kelebihan daun sirih

Amirul Haswendy

Ashari

DAUN sirih terkenal sebagai daun 1001 khasiat, sama ada untuk kesihatan atau kecantikan diri dan Sireh Emas Sdn Bhd menggunakan kelebihan daun itu untuk menghasilkan produk sulungnya, iaitu Warisan Puteri yang membersihkan, merawat, memelihara dan menyegarkan bahagian keintiman wanita.

Warisan Puteri dihasilkan daripada ekstrak daun sirih yang mengandungi penstabil pH, selamat dan halal untuk digunakan.

Produk kosmetiknya, Xanzwhite Cosmeceuticals,

merangkumi Krim Rawatan Multi-Fungsi, Cecair Pencerah SPF 15, Losyen Penyegar dan Pencuci Muka dihasilkan bagi mengatasi masalah hyper-pigmentasi, jerawat dan tompok gelap.

Formula bioteknologi yang menggunakan piawai kosmetik antarabangsa ini dipaten dan memperoleh Anugerah Inovasi Antarabangsa ITEX 2007.

Eksekutif Pembangunan Perniagaan Sireh Emas Sdn Bhd, Harris Yatim, berkata bagi mempelbagaikan produk 100 peratus keluaran Bumiputera ini, Sireh Emas sekali lagi mencipta kejayaan menghasilkan Seri Puteri Sireh Seaweed, sabun lutsinar pertama mengandungi tiga

formulasi herba iaitu ekstrak daun sirih, rumpai laut dan minyak T-Tree.

“Seri Puteri sesuai untuk semua jenis kulit, lelaki atau wanita dan ia mampu menganjalkan kulit wajah serta halal dan selamat,” katanya.

Seri Puteri berada di pasaran sejak lebih dua tahun lalu dan kekal antara produk kecantikan popular mampu milik.

Bagi menambah keberkesanan Seri Puteri, Gel Kolagen Sireh Emas yang mengandungi sumber asli marin yang tidak berbau dan tanpa pewarna diperkenalkan selain mengandungi ekstrak sirih dan asid amino kolagen, glicin, alanin dan prolina.

Ia mampu melembap dan menyegarkan kulit serta

menghalang radikal bebas bahaya, sinar ultra lembayung (UV) dan toksik berlebihan.

Gabungan Seri Puteri dan Gel Kolagen boleh dianggap nutrien tambahan untuk kulit kerana ia mampu membawa perubahan baru apabila menjadikan kulit tegang, sihat dan segar.

Harris berkata, Sireh Emas amat menekankan keselamatan, kualiti dan kebersihan produk dan untuk itu, ia bekerjasama dengan penyelidik Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti

Sains Malaysia (USM), Institut Penyelidikan Hutan Malaysia (FRIM) dan Sirim.

Daun sirih yang digunakan ditanam sendiri bagi mengekalkan kualiti dan dikawal selia.

Ketika ini, Sireh Emas Sdn

Bhd mempunyai cawangan di Pulau Pinang serta Selangor dan berikutan permintaan tinggi, ia turut bertapak di Singapura dan Brunei.

Bagi memudahkan pengguna mendapatkan produk Sireh Emas, kunjungi stokis di Semenanjung Malaysia serta

Sabah dan Sarawak.

Sehingga 31 Disember ini, Sireh Emas menyertai gerai di Pesta Pulau Pinang.

Sireh Emas mempelawa mereka yang berminat menjadi stokis kawasan dan pengedar dengan modal serendah RM300 dengan disediakan latihan, bimbingan dan cara penggunaan produk.

Pertanyaan produk atau menjadi pengedar Sireh Emas Sdn Bhd, sila hubungi 03-78422558 atau 016-2181917/016-2181935 atau layari www.sirehemas.com.



CUBALAH...Harris bersama kakitangan Sireh Emas menunjukkan produk berkualiti.